

TEMA 2 : SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM

PELAJARAN 4 : SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 6

Bil	Penerangan	Istilah
1.	Dari segi bahasa bermaksud menghukum, menyelesaikan, menetapkan, memutuskan dan mencegah	
2.	Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi	
3.	Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah.	
4.	Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT	
5.	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.	
6.	Orang yang keluar daripada agama Islam sama ada melalui perbuatan, perkataan atau niat	


Soalan 7 hingga Soalan 11

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan

7. Salah satu prinsip kehakiman Islam ialah menegakkandan menentang kezaliman.
8. Sistem kehakiman Islam mempunyai matlamat.
9. Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal dikenali sebagai hukum
10. Hukuman bagi kesalahan qazaf ialah
11. ialah harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh sebagai ganti qisas yang tidak dapat dilaksanakan.

Soalan 12 hingga Soalan 13 berdasarkan rajah 1 di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 merupakan prinsip kehakiman Islam



12. R ialah :

13. H ialah :

Soalan 14 hingga Soalan 16 berdasarkan jadual di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.
Jadual di bawah merupakan syarat perlantikan hakim

Islam dan beriman
P
Q
R
Sempurna pancaindera

14. P ialah :

15. Q ialah :

16. R ialah :

Soalan 17 hingga Soalan 22

©Hak cipta Sektor Pendidikan Islam , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

MODUL IN-TIME TASAWWUR ISLAM KSSM

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

17.	Hakim hendaklah seorang yang berilmu dan bijaksana	☐
18.	Bilangan saksi sekurang-kurangnya tiga orang lelaki dan seorang perempuan yang adil bagi sesetengah kes dan bagi kes perzinaan saksinya adalah tiga orang lelaki	☐
19.	Hakim hendaklah seorang yang jujur ketika bertugas seperti tidak menerima rasuah supaya kewibaaannya dihormati	☐
20.	Antara kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam ialah dapat mewujudkan keadilan setempat.	☐
21.	Menjadikan Al Quran dan Al Ijmak sebagai sumber rujukan utama dalam mengendalikan kes supaya tindakan yang diambil tidak menyalahi syarak	☐
22.	Melantik orang yang berkeelayakan sebagai hakim seperti memiliki sifat adil	☐

Soalan 23 hingga Soalan 28 berdasarkan jadual di bawah.

©Hak cipta Sektor Pendidikan Islam , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

26

MODUL IN-TIME TASAWWUR ISLAM KSSM

Padankan pernyataan berikut.

23.	Perlu memahami hukum hakam Islam dan mempunyai keimanan yang kuat agar dapat mempraktekkan syariat Islam dalam perbicaraan	Syarat Perlantikan hakim
24.	Dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pihak pendakwa atau tertuduh supaya wujud keadilan	Peranan Hakim
25.	Tidak boleh menjatuhkan hukuman ketika dalam keadaan marah supaya tidak tersalah membuat keputusan	Etika Hakim
26.	Sempurna pancaindera seperti memiliki pendengaran yang baik, penglihatan yang jelas dan percakapan yang fasih.	Etika Hakim
27.	Dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga rakan dan sebagainya.	Peranan Hakim
28.	Tertuduh mesti dibebaskan sekiranya tidak dapat dibuktikan dia bersalah supaya tidak berlaku penganiayaan kepada tertuduh	Syarat Perlantikan hakim

BAHAGIAN B